

## Mengapa Persidangan Kemuncak Islam Patut Diadakan?

Sebagaimana termaklum, bahawa ura-ura supaya diadakan satu persidangan kemuncak Islam itu, mula-mulanya telah dikemukakan oleh al-Hajj Adam<sup>1</sup> Abdullah Osman, *President* Republik Somalia, tatkala beliau membuka Kongres Sedunia di bandar Mogadishu di dalam negeri Somalia pada tahun 1964. Semenjak itu, sungguhpun berbagai-bagai berita-berita yang berlawanan telah tersebar, Somalia telah terus-menerus menyokong dan masih menyokong rancangan hendak mengadakan satu persidangan yang seumpama itu.

Apabila fikiran itu diberitakan di dalam akhbar-akhbar baharu-baharu ini, rupanya timbul perbahasan menentang rancangan hendak mengadakan persidangan yang sedemikian itu. Diberitakan ada yang mengatakan, bahawa persidangan yang seumpama itu akan berarah kepada menubuhkan sesuatu perikatan politik, dan akan jadi pro-Barat pada dasarnya. Sebaliknya, pihak yang menyokong kuat peri mengadakan satu persidangan kemuncak Islam itu berkata, bahwasanya tiadalah sesuatu melainkan baik belaka bagi Islam dan Muslimin yang akan terbit daripada persidangan yang sedemikian itu. Pihak ini berkata lagi iaitu bukannya sahaja persidangan itu akan tiada melakukan barang suatu mudarat kepada lain-lain pihak, tetapi ia akan, bahkan mestilah ia, mengikut seruan dan prinsip-prinsip Islam, menjadi suatu faktor yang meneguhkan dalam pemeliharaan keamanan dalam dunia yang kacau-bilau pada zaman kita ini, oleh sebab Islam berdiri kerana untuk aman damai, adil saksama dan ihsan.

Fikiran itu bukanlah suatu fikiran baharu. Telah ada berbagai-bagai persidangan Islam sebelum hari ini. Tetapi persidangan-persidangan yang terdahulu itu tidak mempunyai kuasa, ataupun kelulusan untuk menjalankan segala keputusannya yang baik dan yang telah diperbuat dengan sebaik-baik niat. Begitulah keadaan semuanya, kecuali

persidangan kemuncak kecil pada tahun 1953 di antara *President* Gamal Abdel Naseer, dari Republik Arab Bersatu, *President* Iskander Mirza, dari Pakistan dan Yang Maha Mulia al-Malik Sa'ud (ketika itu raja), Saudi Arabia, dihadiri juga oleh sebuah sekretariat yang diketuai oleh al-Sayyid Anwar al-Sadat. Persidangan yang akhir ini, oleh sebab makam peribadinya, telah berdaya upaya menjalankan beberapa khidmat yang lebih baik bagi maslahat Islam dan bagi maslahat Muslimin am. Oleh yang demikian itu, pihak yang menyokong satu persidangan kemuncak yang lebih besar dan yang baharu-baharu ini dicadangkan itu, sekarang berkata kalau lahir usaha-usaha persidangan tahun 1953 itu boleh dijadikan sebagai satu panduan, nescaya boleh benar diharap lebih banyak faedah-faedahnya akan terbit daripada satu persidangan kemuncak yang besar di dalam mana wakil-wakil lebih daripada 30 buah negeri-negeri Islam akan dipersilakan mengambil bahagian, hatta sekalipun cuma separuh sahaja daripada bilangan itu menghadirinya.

Baginda al-Malik Faisal dari Saudi Arabia telah berterus terang melafazkan sokongannya yang kuat kepada persidangan yang dicadangkan itu. Akan diingat persidangan Islam am yang berlangsung di Makkah pada tahun 1384, 15 haribulan Ṣafar (bersamaan dengan 17.4.1965) dan, di antara lain-lain, telah membuat

satu keputusan iaitu, memohon dengan rasminya kepada Paduka Baginda supaya bersungguh-sungguh berusaha mudah-mudahan sampai diwujudkan persidangan kemuncak Islam yang telah dicadangkan itu, lalu baginda pun memperkenankannya dan berjanji akan menyelenggarakannya sedaya upayanya di dalam hal itu.

Maka semenjak itulah baginda al-Malik Faisal terus bersungguh-sungguh berusaha di dalam ikhtiar mengadakan persidangan Islam yang dicadangkan itu. Di dalam itu sekonyong-konyong timbul pula di antara orang-orang di dalam negeri-negeri Islam sendiri menaruh sangka yang bukan-bukan tentang tujuan baginda itu. Rupanya orang-orang itu kurang mengerti ataupun difahamkan salah, lalu mereka pun mencuba hendak meracun fikiran sedunia, dan mengatakan kononnya baginda al-Malik Faisal itu sedang mengusulkan satu perikatan besar Islam, satu politik pro-Barat seakan-akan pakatan CENTO (yang dahulunya dikenali sebagai Pakatan Baghdad). Adalah pendapat ini jauh sungguh daripada yang sebenarnya. Jika sekiranya kita kaji catitan-catitan sejarah, nescaya dapatlah kita menyaksikan iaitu, tatkala Pakatan Baghdad itu hendak ditubuhkan, baginda al-Malik Faisal telah bersungguh-sungguh menentangnya, kerana dasar Pakatan Baghdad itu pro-Barat, oleh sebab kuasa Barat iaitu Amerika Syarikat dan England keduanya ada menjadi di antara anggota-anggotanya. Tiadalah sekali-kali boleh

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah Aden.

dijadikan perbandingan di antara Pakatan Baghdad dengan satu persidangan yang semata-mata persidangan kemuncak Islam. Pakatan Baghdad itu satu pakatan tentera, padahal persidangan itu ialah semata-mata hal ehwal Islam. Pakistan, Turki dan Iran telah menegaskan bahawa mereka masuk bersekutu di dalam Pakatan Baghdad itu semata-mata disebabkan oleh bahanaya ancaman Komunis yang bersempadan sesama dengan negeri-negeri kita, padahal pihak yang mempersenda-sendakannya itu semuanya jauh daripada sempadan-sempadan negeri Komunis.

Islam mengajar kita supaya beraman damai, beradil saksama, dan berihsan kepada sekalian. Satu persidangan kemuncak Islam akan tak dapat tiadalah membuaikan faedah yang besar bagi umat Islam. Jikalau tiada suatu apa pun natijahnya, persidangan itu sekurang-kurangnya menjadi suatu jalan yang membolehkan negeri-negeri Islam dan orang-orangnya bertemu ramah-tamah dan bertukar-tukar fikiran.

Seperkara yang tak dapat dielakkan iaitu beberapa buah negeri-negeri Islam pada masa ini ada perhubungan-perhubungan dagang dan bersahabat dengan negeri-negeri Komunis seperti Rusia dan China. Adalah komunis itu bertentangan sama sekali dengan ajaran Islam, maka dengan hal yang demikian sedang terkorbanlah sekarang ini orang-orang Islam di dalam negeri-negeri Komunis. Jikalau dapat diwujudkan satu persidangan kemuncak Islam, maka ikhtiar-ikhtiar anggota-anggota yang bersekutu di dalamnya akan tentu sekali bernatijah kepada membaiki sara penghidupan orang-orang Islam di dalam negeri-negeri Komunis, kerana orang-orang Islam itu boleh menaruh harapan mendapat pertolongan daripada negeri-negeri Islam yang ada bersahabat dengan negeri-negeri Komunis.

Satu daripada alasan-alasan yang dikemukakan oleh pihak yang membangkang

cadangan hendak mengadakan persidangan kemuncak Islam itu ialah, keganjilan kedudukan Iran. Kata mereka itu: "Iran menyokong cadangan mengadakan persidangan kemuncak Islam, padahal ia ada pula perhubungan dagang dengan Israel, iaitu atau sepatutnya dianggap musuh negeri-negeri Islam sampai orang Arab Palestin dikembalikan segala hak-hak mereka. Sekiranya dikaji dengan lebih cermat, nescaya kita dapat bahawa Iran hanya mengiktiraf Israel *de facto* sahaja, dan akan hal perhubungan dagangnya itu banyak negeri-negeri Islam ada berniaga juga dengan Israel bahkan ada juga yang berwakil-wakil diplomatik dengan Israel.

Pada masa ini kebanyakan daripada negeri-negeri Afrika kulit hitam yang penduduk-penduduknya itu lebih ramai orang-orang Islam telah mengiktiraf penuh akan negara Israel dan berwakil diplomatik dengannya. Negeri-negeri Sudan, Somalia dan Mauritania adalah terkecuali dalam hal ini. Jika sekiranya sudah ada sesuatu persidangan kemuncak Islam dahulu, barangkali kejadian yang telah berlaku itu harus berlainan. Sementang begitu pun, negeri-negeri Arab yang ada menentang persidangan kemuncak itu, ada bersahabat rapat dengan negeri-negeri Afrika yang telah mengiktiraf Israel dan berwakil diplomatik pada peringkat kedutaan dengan Israel.

Dalam hal yang berkait dengan Israel, baginda al-Malik Faisal telah bertitah: "Kami tiada sekali-kali bersetuju, walau dengan apa sebab pun berdamai dan berunding dengan Israel, hingga berapa lama sekali pun, selagi orang-orang Arab belum dikembalikan hak-hak mereka di dalam Palestin. Hatta sekiranya semua negeri-negeri Arab berdamai dengan Israel sekali pun tidaklah kami akan beralah."

Terlebih dahulu daripada itu baginda al-Malik Faisal ada juga menyebut di dalam kenyataannya yang tersiar, bahawa tiadalah sekali-kali boleh diterima dijadikan ikhtiar menyelesaikan apa-apa masalah Arab, seyoga terkorban sesuatu maslahat, istimewa perkara Palestin. Palestin hendaklah dikembalikan kepada orang-orang Arab. Sesungguhnya inilah sentiasa perdirian teguh baginda meskipun adakalanya tidak menyukakan hati kuasa-kuasa Barat. Pada suatu dewasa baginda telah memutuskan perhubungan diplomat dengan Jerman Barat, sungguhpun kuasa Barat telah membuat berbagai ikhtiar memujuk baginda supaya jangan membuat demikian itu. Sebabnya ialah kerana Jerman Barat menyokong Israel dengan alat senjata dan pinjaman wang ketika itu. Pada suatu masa lain pula, baginda tidak berkenan kepada ulasan-ulasan berhubung dengan perkara Israel oleh Habib Bourquiba *President* Tunisia, sungguhpun baginda selalu menghormati dan gemarkan *President* Habib Bourquiba itu, kerana beliau bertahun-tahun mengetuai gerak memerdekaan Tunisia daripada cengkaman penjajah. Pada suatu masa lagi, kerana pedas bidasannya yang tersiar di dalam akbar-akbar mengenai orang-orang Yahudi maka suatu istiadat jamuan kehormatan kepada baginda di Amerika Syarikat yang telah sudah pun ditetapkan upacaranya telah tak dapat tiada dibatalkan. Kejadian-kejadian ini semuanya membuktikan dengan jelas bahawa dalam usahanya hendak mewujudkan persidangan kemuncak Islam yang dicadangkan itu, tiadalah sekali-sekali boleh dikata baginda al-Malik Faisal membuat kerja yang bersympati dengan pro-Barat.

Kaum-kaum Kristian dan lain-lain agama ada pertubuhan-pertubuhan yang teratur kemas, tiadalah syak lagi, lebih baik daripada keadaan orang-orang Islam. Maka adalah diharap mudah-mudahan



Pemandangan umum di Bayt Lahm<sup>2</sup> Palestin – tempat diperanakkan Nabi ‘Isā ‘alayhi al-salām – kota ini telah ditawan oleh tentera-tentera Israel.

lepas diwujudkan persidangan kemuncak Islam, akan terdiri sebuah pertubuhan yang akan mengubati segala kelemahan yang ada pada masa ini dan membolehkan orang-orang Islam tolong-menolong satu dengan lain dengan jalan yang berkesan hatta di mana jua mereka bermukim.

Firman Allah di dalam al-Qur'an al-Karim:

“Bahwasanya umat kamu itu ialah satu umat dan Aku Tuhan kamu, bertakwalah kamu kepada-Ku” (tiada lain lagi) sūrat 23 (al-Mu'minūn) ayat 52.

“Bahwasanya umat kamu itu ialah satu umat dan Aku Tuhan kamu, bertakwalah kamu kepada-Ku” (tidak lain lagi) sūrat 21 al-Anbiyā’<sup>3</sup>) ayat 92.

“Yang demikian Kami telah menjadikan kamu umat pertengahan supaya kamu

menjadi saksi semua umat, dan Rasulullah menjadi saksi ke atas diri kamu. Dan kami tidak menjadikan kiblat itu dengan lain-lain hakikat selain daripada menguji siapa yang mengikut Rasulullah dan siapa yang akan berpaling tадah (daripada imam). Sesungguhnya perubahan kiblat itu satu perkara yang besar kepada mereka yang telah dinyatakan oleh Allah. Dan Allah tidak akan menghilangkan keimanan kamu. Allah Maha Belas Kasihan dan Maha Mengampun kepada sekalian manusia.” Sūrat 2 al-Baqarah, ayat 143.

“Kamu adalah sebaik-baik umat kerana kamu telah disuruh membuat segala kebaikan dan menegah perkara-perkara yang dilarang dan beriman kepada Allah. Jikalau *ahl al-kitāb* itu telah beriman sesungguhnya itu lebih baik bagi mereka. Di antara mereka ada sebahagian yang beriman dan ada sebahagian besar

daripada mereka orang-orang fasik.”

Sūrat 3 Āli ‘Imrāl<sup>3</sup>, ayat 110.

“Orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara dan hendaklah didamaikan jika terdapat perselisihan di antara kedua-dua saudara kamu dan bertakwalah kepada Allah mudah-mudahan kamu mendapat rahmat dari Tuhan.” Sūrat 49 al-Hujurāt, ayat 10.

“Berpeganglah kamu kepada tali Allah (yang dihulurkan untuk kamu) dan janganlah berpecah belah; hendaklah kamu ingat dengan syukur akan nikmat Allah yang telah dikurniakan kepada kamu dahulu bermusuh-musuhan dan Allah telah menyatakan hati kamu supaya dengan ihsannya kamu menjadi bersaudara-saudara; dan kamu hampir-hampir terjerumus ke dalam neraka maka Allah telah menyelamatkan kamu daripadanya. Begitulah Allah menghuraikan ayat-ayatnya kepada kamu. Mudah-mudahan kamu mendapat pertunjuk.” Sūrat Āli ‘Imrān, ayat 103.

<sup>2</sup> Merujuk kepada Bethlehem.

<sup>3</sup> Perkataan sebenar ialah Āli ‘Imrān.

“Bekerjasamalah kamu atas perkara-perkara kebajikan dan takwa dan jauhilah daripada perkara-perkara yang berdosa dan pencerobohan. Bertakwalah kepada Allah dan sesungguhnya seksa Allah itu amat berat.” Sūrat 5, (al-Mā’idah) ayat 2.

Ada beberapa buah negeri di seluruh alam yang telah menyatukan diri ke dalam sesuatu kumpulan yang tertentu dan mereka berunding-runding dalam persidangan-persidangan kumpulan mereka untuk maslahat sesama. Negeri-negeri sekumpulan atau bermaslahat sesama itu tiadalah boleh dengan apa jua alasannya mempunyai dalil-dalil yang lebih kuat dan bernas daripada maslahat sesama Islam agama dan bersandar di dalam negeri-negeri Islam. Jika sekiranya persidangan kumpulan-kumpulan yang seumpama itu boleh berjaya sebagaiman zahirnya ada berlaku nescaya menjadi hairan jika persidangan kemuncak negeri-negeri Islam yang mempunyai bukti-bukti yang berlipat ganda tentang maslahat sesama agama, ideologi dan persaudaraan tiada boleh lebih lagi berjaya.

Sebagai suatu panduan untuk menunjukkan kumpulan-kumpulan yang disebutkan di atas iaitu negeri-negeri yang tiada begitu banyak maslahat sesama agama dan berunding-runding bersama-sama dan ada mencapai faedah yang baik daripada hasil-hasil persidangan kumpulannya maka kami turunkan di bawah ini nama-nama negeri yang bersekutu di dalam sesuatu kumpulan seperti berikut:

#### **Bangsa-bangsa Commonwealth British**

United Kingdom, Kanada, Australia, New Zealand, India, Pakistan, Ceylon, Ghana, Cyprus, Sierra Leone, Jamaica, Trinidad, Uganda, Malaysia, Tanzania, Malawi, Malta, Zambia, Gambia, Singapura, Guinea.

#### **Pertubuhan Bersatu Paduan Afrika**

(Negeri-negeri yang bersekutu)  
Algeria, Burundi, Cameroon, Central Africa Republic, Congo (Brazil), Congo (Leopoldville), Ethiopia, Gambia, Ghana, Guinea, Liberia, Kenya, Libya, Malawi, Chad, Dahomey, Gabon, Ivory Coast, Madagascar, Niger, Togo, Mali, Mauritania, Morocco, Nigeria, Rwanda, Sinegal, Sierre Leone, Somalia, Sudan, Tanzania, Tunisia, Uganda, United Arab Bersatu, Zambia.

#### **Persidangan Bangsa-bangsa yang Berkecuali**

Afghanistan, Algeria, Angola, Burma, Burundi, Gambia, Cameroon, Ceylon, Chad, Congo (Brazil), Congo (Leopoldville), Cuba, Cyprus, Dahomey, Ethiopia , Ghana, Guinea, India, Iraq, Indonesia, Jordan, Guinea, Kuwait, Laos, Lebanon, Liberia, Libya, Malawi, Mali, Mauritania, Morocco, Nepal, Nigeria, North Rhodesia, Saudi Arabia, Senegal, Sierra Leone, Somalia, Sudan, Syria, Togo, Tunisia, Uganda, United Arab Republic, United Republic of Tanganyika dan Zanzibar, Yaman, Yugoslavia.

Daripada tiga senarai negeri-negeri yang diterangkan di atas ini bolehlah disaksikan betapa besar perbezaan-perbezaan antara satu dengan lain tentang orang-orangnya, bangsanya, agama, bahasa, ideologi dan sikap politiknya. Negeri-negeri itu ada yang beraja, ada kerajaan republik, setengahnya puak kapitalis dan setengahnya *social* dan ada juga di antaranya Komunis pada dasar dan cara kehidupannya. Meskipun demikian halnya mereka bersekutu dan bekerja untuk mencapai maslahat sesama di dalam persidangan masing-masing kumpulan.

Sebaliknya negeri-negeri Islam memang sedia terikat di dalam persaudaraan Islam maka memadailah dengan hakikat ini sahaja bagi menentukan kejayaan sebarang satu persidangan kemuncak Islam.

Pada masa ini ada dua atau tiga pengetua negeri-negeri Arab yang menentang keras kepada cadangan mengadakan persidangan kemuncak Islam itu. Kerana sebab-sebab yang telah dihuraikan di atas ini dan atas maslahat Islam dan Muslimin amnya maka dengan inilah kami merayu kepada pengetua-pengetua negeri-negeri yang masih membangkang itu supaya melupakan apa-apa jua perselisihan peribadi di antaranya dengan pengetua-pengetua negeri yang menyokong persidangan yang dicadangkan itu supaya bekerja untuk mencapai tujuan sesama bagi faedah dan maslahat ramai, maslahat semua negeri-negeri Islam dan rakyat masing-masing negeri.

#### **Kata-kata Hikmah**

Alangkah buruknya tabiat seseorang yang merendah diri waktu berhajat, dan bersikap sombong di waktu senang!

#### **Harga Langganan Majalah Qalam**

6 Bulan	\$3.60
1 Tahun	\$7.20
Senaskhah	\$0.60

Termasuk belanja *post*.

Pesanlah kepada:

#### **Penerbitan Qalam**

**13, 15, Jalan Anggor**

**Batu 4, Jalan Kelang,**

**Kuala Lumpur.**